

22/05/2000

Penggunaan nama Panggung Negara dimansuh

KEMENTERIAN Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan (KKKP) memansuhkan penggunaan nama Panggung Negara berkuatkuasa 4 Mei lalu, selaras arahan Kabinet, baru-baru ini.

Arahan itu secara tidak langsung menjadikan ia salah satu jabatan di bawah kementerian itu dengan menggunakan nama Istana Budaya sepenuhnya.

Sebelum ini, ia hanya digunakan sebagai nama bangunan baru yang menempatkan jabatan itu di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Pemangku Pengarah Istana Budaya, Norliza Rofli, ia sebahagian usaha kerajaan mempertingkatkan taraf jabatan itu.

"Lagipun, sudah lama sangat kita menggunakan nama Panggung Negara. Mungkin, kerajaan berasakan sudah tiba masanya nama ditukarkan bagi memastikannya bersesuaian dengan keadaan semasa.

"Kebetulan pula, tahun ini merupakan alaf baru. Malah, jabatan ini sudah pun ditempatkan di bangunan pejabat yang bukan saja baru, tapi besar dan indah, selain dilengkapi pelbagai peralatan serta kelengkapan canggih," katanya kepada Persada Seni, baru-baru ini.

Katanya, peningkatan taraf Istana Budaya diharap dapat memberi nafas baru kepada usaha memulihara dan memartabat kesenian, selain kebudayaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Katanya lagi, ia juga perlu dijadikan dorongan di kalangan kakitangan Istana Budaya untuk terus berkerja dalam keadaan yang produktif, amanah, jujur, ikhlas, berdedikasi dan sebagainya.

Sebelum ini, pejabat Panggung Negara yang ditukarkan menjadi Istana Budaya berpusat di Kompleks Budaya Negara (KBN), Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, ia dipindahkan secara berperingkat bermula awal tahun lalu apabila proses pembinaan bangunan pejabat baru siap sepenuhnya. Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir tahun lalu.

KKKP turut melantik Norliza sebagai Pemangku Pengarah Istana Budaya berkuatkuasa 11 Mei lalu. Dia yang berpengalaman selama 17 tahun bersama kementerian itu terpilih mengetuai jabatan berkenaan bagi menggantikan Supiat Mukri yang tamat tempoh kontrak perkhidmatannya, baru-baru ini.

Supiat bersara wajib dua tahun lalu, namun KKKP melanjutkan perkhidmatannya selama setahun kerana Istana Budaya terbabit dalam pelbagai projek besar termasuk menyediakan persembahan kesenian dan kebudayaan untuk Sukan Komanwel XVI - Kuala Lumpur 1998 dan Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di ibu negara.

Sebelum ini, Norliza pernah memegang pelbagai jawatan dalam kementerian itu, termasuk Pendaftar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang terletak berhampiran Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (Matic), Jalan Ampang.

Dia baru sahaja pulang ke tanah air selepas hampir tiga tahun melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan seni di peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) di Universiti Nottingham, England.

Selain itu, dia turut memiliki ijazah sarjana dalam bidang pengurusan seni dari Universiti Carnegie Mellon, Pittsburgh di Pennyslavannia, Amerika Syarikat.

(END)